

Pesilat senior diharap bukti kemampuan

Berita Harian, 15 April 2011, Page 25

Article also available on Microfilm Reel NL31310

Printer-Friendly Page

Pesilat senior diharap bukti kemampuan

S'pura jangka persaingan sengit dari negara serantau

KEJOHANAN PENCAK SILAT ASIA

Oleh : SAPARIN RASIKIN

PESILAT-PESILAT senior mesti menunjukkan prestasi terbaik dan membuktikan kemampuan mereka bersaing di peringkat yang tinggi.

Itulah harapan pengurus merangkap jurulatih Singapura, Dzulfadly Jaffar, menjelang Kejo­hanan Pencak Silat Asia Pertama di Pusat Kecemerlangan Silat selama tiga hari mulai 10 pagi ini.

"Kejo­hanan ini merupakan antara pertandingan utama dalam kalendar silat antarabangsa," jelasnya. "Oleh itu, para pesilat kami terutama dalam pasukan A mesti mampu menunjukkan tahap persembahan yang tinggi.

"Ini penting bagi memenuhi harapan mencapai kejayaan yang baik dalam kejo­hanan-kejo­hanan utama yang lain."

Antara pesilat senior yang akan memikul harapan negara termasuk Md Shakir Juanda, Md Saifulah Julaimi, Md Elyasak Said dan srikandi Saiedah Said.

Bagaimanapun, para pesilat muda berbakat seperti Nur Shafiq Saiful, Herwan Harrywanto dan Nurshahrin Shahrudin diharap dapat membuktikan potensi mereka.

Begitu juga pesilat wanita seperti Nurindah Mursani, Nur Shafiqah Sheikh Alauddin dan Nurul Shafiqah Saiful.

Dzulfadly menambah: "Kami menjangkakan persaingan sengit kerana negara seperti Malaysia menghantar pasukan utamanya, termasuk tiga juara dunia.

"Kami boleh menjangkakan Vietnam dan Indonesia turut menurunkan para pesilat handalan mereka.

"Oleh itu, saya berharap pesilat utama kami dapat menyahtu cabaran dengan persembahan ter-

depan perlu juga menunjukkan persembahan terbaik sebagai kayu ukur kemampuan mereka."

Shakir, 23 tahun, yang mewakili rakan-rakan sepasukannya menyatakan mereka sudah bersedia menghadapi perjuangan.

"Kami telah menjalani latihan intensif sejak awal tahun dan berharap dapat mencatatkan kejayaan yang diharapkan," kata kapten Singapura yang terpilih sebagai Pesilat Lelaki Terbaik dalam Kejo­hanan Sijori baru-baru ini.

Shakir akan bertanding dalam Kelas I berbanding Kelas C dalam Kejo­hanan Dunia di Indonesia tahun lalu, di mana langkahnya tersekat di suku akhir.

"Ini adalah kali pertama saya bertanding dalam kelas lebih berat dan saya tidak tahu tentang sejauh mana kekuatan para pesilat lawan," jelas anggota Perkhidmatan Negara itu.

"Bagi mengelakkan sebarang tekanan, saya mengambil pendekatan selangkah demi selangkah dan

baik." Mengenai pasukan B, beliau menjelaskan: "Matlamat

saparin@sph.com.sg

utama ialah memberi mereka pendedahan dalam pertandingan di peringkat tinggi.

"Sungguhpun tiada tekanan, para pesilat muda yang menjadi harapan pada masa

matlamat saya ialah ke final.”

Bagi Shafiq, ini

merupakan penampilan keduanya dalam pertandingan utama selepas dinaikkan ke skuad senior dengan menyertai Kejohanan Dunia, di mana beliau tewas dalam pusingan pertama.

Penuntut tahun dua Universiti Teknologi Auckland (AUT) itu telah menunjukkan kemajuan yang menggalakkan, terutama sekali dalam kategori seni, tetapi perlu membuktikan potensinya dalam kategori tanding.

“Pengalaman bertanding dalam Kejohanan Dunia amat berharga dan mula menunjukkan hasilnya dengan kejayaan saya dalam Kejohanan Sijori dan Kejohanan Pengajian Tinggi,” kata Shafiq, 17 tahun, yang dipilih sebagai Pesilat Wanita Terbaik dalam kedua kejohanan itu baru-baru ini.

Pasukan A

Lelaki:

1. Ridhwan Selamat (Kelas A)
2. Herwan Harrywanto (Kelas B)
3. Sarhan Hamzah (Kelas C)
4. Nurshahrin Shahrudin (Kelas D)
5. Md Saifullah Julaimi (Kelas E)
6. Md Elyasak Said (Kelas F)
7. Md Norhidayat Salleh (Kelas G)
8. Nur Shafiq Saiful (Kelas H)
9. Md Shakir Juanda (Kelas I)
10. Qassidi Ibrahim Ahmad (Kelas terbuka)
11. Md Iqbal A. Rahman (tunggal dan regu)
12. Syarif Hidayatullah A. Raziz (ganda dan regu)
13. Danial Azlani (ganda dan regu)

Wanita:

1. Nurindah Mursani (Kelas A)
2. Nurul Shafiqah Saiful (Kelas B)
3. Saiedah Said (Kelas C)
4. Nur Shafiqah Sheikh Alauddin (Kelas D dan regu)
5. Shariena Shariff (Kelas E)
6. Duniyah A. Wahab (Kelas F)
7. Nurul Khairuniza Azlani (tunggal)
8. Seri Karmila A. Raziz (ganda dan regu)
9. Nur Fazlin Juma'en (ganda dan regu)

SENARAI PESILAT

Pasukan B

Lelaki:

1. Fitree Ramle (Kelas A)
2. Ahmad Syazwan Amran (Kelas B)
3. Ahmad Kafee Azman (Kelas C)
4. Shazwan Sapari (Kelas D)
5. Syahir Agus (Kelas E)
6. Teo Eng Jia (Kelas H)

Wanita:

1. Atiq Shazwani Roslan (Kelas A)
2. Atiq Isnarti Roslan (Kelas B)
3. Zafirah Hamiza Zulkifli (Kelas E)
4. Nur Hidayah Ariffin (tunggal)
5. Nur Liana Shaila Md Hod (ganda)
6. Nurul Suhaila Saiful (ganda dan regu)
7. Nur Shazira Osman (regu)
8. Nurul Amira Azman (regu)

Pengurus/jurulath:

Dzulfadly Jaffar


Penolong pengurus/jurulatih:

Sheikh Harun Rafik



SEMAKIN MATANG: Nur Shafiqah Sheikh Alauddin menunjukkan kemajuan dalam Kejohanan Sijori dan Pengajian Tinggi baru-baru ini.

ASIA



Kapten Md Shakir Juanda bertanding antara lain memenangi...

menunjukkan...
...sebagai...
...mereka...
...yang me-...
...matlamat saya ialah ke...
...final."

SUDAH BERSEDIA: Kapten Md Shakir Juanda, yang bertanding dalam Kelas I, adalah antara pesilat harapan memenangi pingat untuk negara. -

Foto-Foto MOHD KHALID